

BAB LIMA

RUMUSAN

5. 0 Pendahuluan

Dalam bab ini penyelidik akan menyatakan rumusan kajian yang dijalankan terhadap pemerolehan bahasa Melayu kanak-kanak, berdasarkan analisis am, analisis sintaksis dan analisis semantik. Rumusan ini adalah berdasarkan dapatan-dapatan yang dianalisis berdasarkan data pertuturan kanak-kanak yang telah dirakamkan dan ditranskripsikan oleh pengkaji. Kajian ini dilakukan terhadap kanak-kanak dari kumpulan sosio ekonomi sederhana. Jumlah kanak-kanak yang menjadi sampel dalam kajian ini adalah seramai dua orang. Usia sampel ialah 2.6 tahun dan 3.7 tahun.

Oleh kerana kajian dan pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik adalah amat singkat jika dibandingkan dengan kajian terdahulu yang berkaitan dengan pemerolehan bahasa di kalangan kanak-kanak, maka rumusan dan cadangan yang dapat dinyatakan berkaitan dengan hasil kajian ini adalah merupakan gambaran ciri-ciri umum tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak berdasarkan analisis am, analisis sintaksis dan analisis semantik.

Objektif kajian adalah untuk menganalisis tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak yang berusia 2.6 tahun dan 3.7 tahun berdasarkan analisis am, analisis paras sintaksis (ayat) dan analisis paras semantik bahasa Melayu terhadap data 50 ujaran yang dibuat oleh kanak-kanak (dalam menilai tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa mereka). Berkaitan dengan

analisis am, kajian dilakukan untuk menilai tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak dengan cara melihat kemampuan sampel membuat ujaran yang sesuai dengan konteks, melihat kemampuan kanak-kanak membuat pertanyaan, melihat keupayaan kanak-kanak menggunakan perkataan atas, tepi, bawah, sisi dan sebagainya, melihat kadar meniru penutur lain di kalangan sampel, melihat kekerapan kanak-kanak mengulang ujaran yang sama, melihat pada perkadarhan soalan dan jawaapan yang tinggi di kalangan kanak-kanak, melihat taburan-kekerapan jumlah panjang ujaran dalam kata bagi setiap sampel, Melihat Purata Panjang Ujaran dalam Kata (MLR) dan melihat Purata Panjang Ujaran dalam Morfem (MLU).

Dalam aspek sintaksis pula, kajian terhadap tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak dilakukan dengan cara melihat keupayaan kanak-kanak membuat ayat yang betul dari segi tatabahasa bahasa Melayu, melihat keupayaan kanak-kanak membuat ayat berdasarkan pola-pola ayat bahasa Melayu, melihat keupayaan kanak-kanak membuat pelbagai jenis ayat sebagaimana yang terdapat dalam bahasa Melayu dan juga melihat bentuk-bentuk kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak yang berusia 2.6 tahun dan 3.7 tahun dalam membuat ayat. Berkaitan dengan aspek semantik pula, analisis dilakukan bagi melihat tahap pemerolehan dan penguasaan aspek-aspek semantik di kalangan kanak-kanak dengan cara melihat pemerolehan makna perkataan, NJT, pemerolehan dan penguasaan makna golongan kata seperti golongan kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata tugas, pemerolehan makna perkataan diri sosial dan melihat tahap

pemerolehan dan penguasaan makna rujukan dan makna relational di kalangan mereka.

Pengumpulan data dibuat berdasarkan proses rakaman terhadap perbualan bersahaja kanak-kanak sampel. Hasil rakaman kemudiannya ditranskripsikan untuk memudahkan proses analisis dijalankan. Pemilihan dibuat ke atas 50 ujaran yang dirasakan sesuai untuk dianalisis. Jadi analisis dilakukan berdasarkan data-data yang terdapat dalam rakaman ini. Oleh hal yang demikian, segala dapatan kajian ini hanyalah terbatas pada data-data yang terdapat dalam transkripsi yang telah dilakukan oleh penyelidik.

5.1 Rumusan Terhadap Dapatan yang Diperolehi Dalam Analisis Am

Berdasarkan analisis am, didapati bahawa semua kanak-kanak sampel dari usia 2-3 tahun telah berjaya membuat ujaran yang selari dengan konteksnya. Iaitu berdasarkan apa yang dilihat, dialami dan dirasainya terhadap sesuatu peristiwa atau perlakuan yang berlaku di sekitar mereka. Hasil kajian ini juga menunjukkan keselarian dengan pendapat J. C. Fenton yang mengatakan bahawa kanak-kanak yang berusia antara 13-18 bulan (1-2 tahun) telah tahu menggunakan perkataan dan membuat ayat-ayat yang berbeza-beza mengikut konteksnya (rujuk Bab Dua). Mangantar Simanjuntak pula telah mengatakan bahawa kanak-kanak pada umur dua tahun telah mampu menuturkan ayat-ayat yang betul dari segi konteksnya (rujuk Bab Satu).

Berdasarkan analisis am juga didapati bahawa kanak-kanak yang berusia 2.6 tahun lebih banyak membuat pengulangan terhadap perkataanya sendiri dan sering meniru percakapan orang lain semasa membuat ujaran berbanding dengan kanak-kanak yang berusia 3.7 tahun. Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak yang berusia dua tahun ini masih mengalami proses pemerolehan dan penguasaan bahasa yang masih tidak sempurna sepenuhnya. Ini selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh Wood (1981) (rujuk Bab Dua) yang menyatakan bahawa perkembangan dan pemerolehan bahasa kanak-kanak adalah berlaku selari dengan perkembangan biologi mereka. Oleh itu tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak pada usia dua tahun adalah lebih rendah daripada tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak yang berusia tiga tahun. Sebenarnya kanak-kanak yang berusia dua tahun ini sering melakukan pengulangan terhadap kata-katanya sendiri serta melakukan peniruan terhadap perkataan yang dibuat oleh orang lain sebagai satu bentuk latihan bagi mempercepatkan lagi proses pemerolehan dan penguasaan bahasa beliau. Dapatkan ini selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh ahli-ahli bahasa seperti Wood yang mengatakan bahawa kanak-kanak meniru hasil daripada kesan persepsi mereka terhadap bentuk komunikasi yang ditirunya itu. Dengan kata lain, kanak-kanak meniru daripada orang dewasa berdasarkan penglihatan dan pendengaran terhadap percakapan orang dewasa dan selepas itu mereka akan cuba mempraktikkan bentuk baru yang ditirunya itu dengan mengulangi perkataan tersebut beberapa kali sehingga mereka benar-benar menguasainya. Oleh itu

apabila seseorang kanak-kanak membuat peniruan terhadap satu-satu perkataan, beliau akan mengulanginya beberapa kali sehingga mereka benar-benar menguasai perkataan tersebut dan akhirnya mereka akan dapat menghasilkan sendiri perkataan-perkataan bebas yang bersifat kompleks. Dapatkan ini sebenarnya selari dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh pelopor Teori Behaviourisme yang mengatakan bahawa manusia memperolehi bahasa hasil daripada interaksi kanak-kanak dengan persekitarannya iaitu kanak-kanak menguasai bahasa dengan cara meniru segala lakuhan pertuturan ibu-bapanya melalui hubungan ransangan dan tindakbalas (R-G). Menurut ahli-ahli Teori Behaviourisme lagi, penguasaan bahasa kanak-kanak adalah dipengaruhi oleh alam sekitar, iaitu kanak-kanak belajar bahasa daripada data bahasa yang didengar dan kemudiannya diulang semula beberapa kali sehingga beliau mencapai tahap pemerolehan bahasa yang biasa atau normal (rujuk Bab Satu). Manakala Bruner (1975) dan Bates (1976) pula telah menegaskan bahawa fonem-fonem vokal dan konsonan yang dikuasai oleh kanak-kanak adalah hasil daripada pemerhatian dan peniruan mereka terhadap persekitarannya, iaitu kanak-kanak memerhati dan meniru bentuk-bentuk percakapan orang lain di sekelilingnya.

Berdasarkan analisis am juga didapati bahawa kanak-kanak yang berusia antara 2-3 tahun masih tidak mampu menggunakan perkataan-perkataan yang bersifat kompleks dengan meluas. Ini kerana tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak yang berusia antara 2-3 tahun masih tidak sempurna sepenuhnya sebagaimana orang dewasa. Dapatkan kajian ini sebenarnya mempunyai

keselarian dengan pendapat yang dikemukakan oleh Piaget (1952) yang mengatakan bahawa bahasa kanak-kanak dari usia 2-6 tahun adalah bersifat mudah dan egosentrik (rujuk Bab 1). Manakala hasil kajian yang dibuat oleh Brown dan Frase pula mendapati bahawa kanak-kanak pada peringkat awal perkembangan bahasa hanya akan menggunakan bentuk-bentuk pengetahuan asas tatabahasa sesuatu bahasa seperti jenis-jenis ayat dan bentuk-bentuknya. Jadi, hasil dapatan membuktikan bahawa sebenarnya kanak-kanak dalam kajian ini masih berada dalam tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa yang tidak sempurna sepenuhnya kerana pada usia 2.6 dan 3.7 tahun ini kanak-kanak sebenarnya masih berada dalam peringkat awal perkembangan bahasa. Untuk membuktikan keadaan ini cuba kita lihat pada peringkat-peringkat perkembangan bahasa yang telah dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji bahasa seperti Mangantar Simanjuntak, J. C. Fenton, Wood dan sebagainya (lihat bab 2 (2.3)). Misalnya, Mangantar Simanjuntak telah meletakkan kanak-kanak yang berusia antara 2-3 tahun ini di bawah Peringkat Permulaan Tatabahasa. Pada peringkat ini kanak-kanak dikatakan mulai memakai elemen-elemen tatabahasa yang rumit. Wood pula telah meletakkan kanak-kanak yang berusia 2.5-4 tahun pada peringkat kelima (peringkat-peringkat perkembangan bahasa yang dikemukakannya) iaitu dikenali sebagai Peringkat *Multiple-word Sentences*. Manakala Fenton pula telah meletakkan kanak-kanak yang berusia antara 20-35 bulan di bawah peringkat kelima dan kanak-kanak yang berusia antara 3-4 tahun dalam peringkat keenam dalam peringkat-peringkat perkembangan bahasa yang dikemukakannya.

Berdasarkan analisis am juga didapati bahawa kanak-kanak yang berusia antara 2-3 tahun telah mampu membuat pertanyaan dengan tepat samada dengan cara menggunakan kata tanya atau pun tidak. Ini selari dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Wood (rujuk para 2.3) yang mengatakan bahawa kanak-kanak yang berusia 18 bulan ke atas telah mampu membuat ayat-ayat yang berbentuk deklaratif, ayat tanya, penafian dan imperatif. Jika dilihat pula pada Taburan Kekerapan Jumlah Panjang Ujaran dalam Kata bagi setiap sampel dan nilai MLR yang diperolehinya, didapati bahawa Azam merupakan sampel yang amat verbal dan mampu membuat ujaran dengan baik walaupun usianya baru dua tahun lebih. Berdasarkan nilai MLR yang diperolehi didapati bahawa Azam merupakan sampel yang verbal. Manakala berdasarkan analisis Taburan Kekerapan Jumlah Panjang Ujaran dalam Kata terhadap data 50 ujaran yang telah diperolehi dari setiap sampel pula didapati bahawa ujaran yang paling panjang sekali yang telah dibuat oleh Azam ialah ujaran yang mengandungi 9 patah perkataan. Manakala ujaran yang paling panjang yang dibuat oleh Amin pula ialah yang mengandungi 8 patah perkataan. Jadi berdasarkan Taburan Kekerapan Jumlah panjang Ujaran dalam kata ini, nyata bahawa Azam mempunyai kebolehan dalam membuat ujaran yang panjang yang melebihi keupayaan Amin yang merupakan sampel yang lebih tua usianya daripada beliau. Ini merupakan satu keadaan yang luar biasa kerana Azam telah berjaya membuat ujaran dengan begitu baik jika dibandingkan dengan usianya. Ini menunjukkan bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa Azam telah mengatasi tahap sebenar yang sepatutnya dicapai pada usia beliau 2,6

tahun itu. Keadaan ini terbukti melalui pengiraan MLU yang dibuat terhadap data 50 ujaran yang diperolehi daripada Azam, didapati bahawa beliau telah memperolehi nilai MLU yang jauh lebih tinggi daripada nilai sebenar yang sepatutnya dicapai oleh kanak-kanak pada usia 2.6 tahun ini berdasarkan *Brown Linguistics Stages* (BLS). Keputusan ini menggambarkan bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa Azam yang berkembang lebih cepat daripada peningkatan usianya.

Berdasarkan analisis Kekerapan jumlah Panjang Ujaran dalam Kata bagi Amin pula didapati bahawa kanak-kanak ini telah mengalami tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa yang normal di mana ujaran terpanjang yang telah dibuat oleh beliau ialah yang mengandungi 8 patah perkataan dan ujaran yang paling kerap sekali dibuat dalam 50 ujaran itu ialah ujaran yang mengandungi 4-5 patah perkataan. Keputusan ini selari dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Fenton yang mengatakan bahawa kanak-kanak yang berusia di antara 3-4 tahun telah pandai menggunakan ayat-ayat yang mengandungi 3-8 patah perkataan. Malah melalui pengiraan MLU dan MLR juga didapati bahawa Amin telah mengalami tahap pemguasaan bahasa yang normal iaitu nilai MLU yang diperolehi oleh beliau adalah sesuai dengan usia yang telah dicadangkan oleh Brown di dalam BLS. Ini membuktikan bahawa kanak-kanak ini telah mengalami tahap pemerolehan bahasa yang meningkat selari dengan peningkatan usianya.

5.2 Rumusan Analisis Pemerolehan Aspek Sintaksis Bahasa Melayu Kanak-kanak

Berdasarkan dapatan kajian terhadap tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak dalam aspek sintaksis sebagaimana yang telah dianalisis dalam Bab Empat, bolehlah dirumuskan bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak dalam aspek sintaksis adalah memuaskan, walaupun masih tidak sempurna sepenuhnya kerana sememangnya pada tahap umur kanak-kanak 2.6 dan 3.7 tahun ini kanak-kanak masih berada dalam proses pemerolehan dan pembelajaran bahasa yang masih belum sempurna sepenuhnya, jadi pemerolehan sintaksis mereka juga masih berada di tahap yang sederhana. Misalnya, daripada analisis data didapati bahawa ayat-ayat yang dihasilkan oleh kanak-kanak yang terdapat dalam kajian ini adalah berada pada tahap yang sederhana. Hal ini demikian kerana pola-pola ayat yang paling banyak dihasilkan oleh kanak-kanak dalam kajian ini adalah terdiri daripada pola ayat satu patah perkataan hingga empat patah perkataan. Walaupun terdapat juga pola ayat 5-9 patah perkataan tetapi dalam jumlah yang sedikit jika dibandingkan dengan pola yang terdiri daripada ayat satu hingga empat patah perkataan. Daripada analisis data 50 ujaran yang dibuat oleh Amin, didapati bahawa jumlah ayat yang paling banyak sekali telah diujarkan oleh beliau ialah ayat yang terdiri daripada tiga patah perkataan yang telah diujarkan sebanyak 12 kali, yang kedua terbanyak ialah ayat yang mengandungi 4 patah perkataan yang telah diujarkan sebanyak 11 kali, yang ketiga terbanyak ialah ayat yang mengandungi 5 patah perkataan iaitu yang telah

diujarkan sebanyak 9 kali dan seterusnya ialah ayat yang mengandungi 2 patah perkataan yang diujarkan sebanyak 7 kali dan ayat yang mengandungi 1 patah perkataan yang diujarkan sebanyak 4 kali. Manakala ayat-ayat yang terdiri daripada 6 patah perkataan hanya diujarkan sebanyak 3 kali dan ayat yang mengandungi 7 dan 8 patah perkataan masing-masing hanya diucapkan sebanyak 2 kali sahaja.

Begitu juga dengan Azam, didapati bahawa jumlah ayat yang paling banyak telah diujarkan oleh beliau daripada 50 ujaran yang dihasilkan ialah yang terdiri daripada ayat yang mengandungi 4 patah perkataan yang telah diujarkan sebanyak 15 kali, yang kedua ialah ayat yang mengandungi 3 patah perkataan yang telah diucapkan sebanyak 13 kali, yang ketiga ialah ayat yang terdiri daripada 1 dan 2 patah perkataan yang telah diucapkan sebanyak 6 kali, ayat yang mengandungi 5 patah perkataan telah diucapkan sebanyak 7 kali dan yang selebihnya ialah ayat yang mengandungi 6 patah perkataan yang telah diucapkan sebanyak 2 kali dan ayat 9 patah perkataan telah diucapkan sebanyak 1 kali. (rujuk Jadual 2 dalam Bab 3)

Daripada dapatan di atas, bolehlah dirumuskan bahawa tahap pemerolehan sintaksis kanak-kanak yang berusia 2, 6 dan 3, 7 tahun adalah berada pada tahap sederhana kerana kebanyakan ayat-ayat yang dihasilkan adalah terdiri daripada ayat-ayat minimum iaitu kanak-kanak lebih banyak mengucapkan ayat-ayat yang mengandungi 3 dan 4 patah perkataan. Ini selari dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Mangantar Simanjuntak yang mengatakan bahawa apabila

kanak-kanak mencapai umur 2 tahun 3 bulan mereka telah mampu menerbitkan ayat-ayat yang mengandungi lebih daripada empat patah perkataan dan seterusnya apabila menjelang usia 4 tahun kanak-kanak telah bijak bertutur (Mangantar Simanjuntak, 1990). Begitu juga dengan Abdul Aziz Sharif (1994) telah berpendapat bahawa pada usia 2 tahun 7 bulan kanak-kanak telah berupaya menghasilkan ayat-ayat yang terdiri daripada 4 patah perkataan (rujuk para 4.1.2).

Walau pun ayat-ayat yang telah dihasilkan oleh kedua-dua sampel ini merupakan ayat minimum kerana kebanyakannya terdiri daripada ayat 3 dan 4 patah perkataan, namun sebenarnya ayat-ayat yang telah diucapkan oleh mereka ini adalah terdiri daripada ayat-ayat yang lengkap dari segi struktur binaannya iaitu ayat-ayat ini mempunyai unsur subjek dan predikat. Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak yang berusia 2.6 tahun dan 3.7 tahun dalam kajian ini telah dapat menguasai pola-pola ayat dasar bahasa Melayu dan mampu membuat ayat-ayat yang mengandungi unsur-unsur subjek dan predikat. Ini selari dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Wood yang mengatakan bahawa bermula pada usia 2-2.5 tahun kanak-kanak telah mampu membina ayat-ayat yang mempunyai unsur subjek dan predikat (rujuk para 2.3).

Dari segi pemerolehan empat pola ayat dasar bahasa Melayu pula, iaitu yang terdiri daripada pola FN + FN, FN + FK, FN + FAdj dan FN + FSN, didapati bahawa daripada analisis yang dibuat ke atas data 50 ujaran yang telah diujarkan oleh kanak-kanak, ternyata bahawa sampel lebih banyak membuat ujaran yang mengandungi pola-pola FN + FN dan FN + FK berbanding dengan pola-pola FN +

FAdj dan FN + FSN. Berdasarkan dapatan ini bolehlah dirumuskan bahawa kanak-kanak pada usia 2.6 dan 3.7 tahun dalam kajian ini lebih cepat dapat menguasai pola ayat yang terdiri daripada FN + FN dan FN + FK berbanding pola FN + FAdj dan FN + FSN. Hal ini terjadi kerana kata nama dan kata kerja merupakan kata-kata yang paling mudah dikuasai oleh kanak-kanak kerana kata-kata tersebut mempunyai makna yang konkret atau nyata. Sedangkan kata adjektif dan kata sendi nama merupakan kata-kata yang agak sukar untuk dikuasai oleh kanak-kanak kerana ia tergolong dalam golongan perkataan yang mempunyai makna yang abstrak atau tidak nyata, dan keadaan ini telah menimbulkan kesukaran kepada kanak-kanak untuk menguasai makna perkataan tersebut. Keadaan ini seterusnya telah digambarkan oleh kanak-kanak melalui percakapan atau ayat-ayat yang diujarkannya. Lantaran itulah didapati bahawa kanak-kanak lebih cenderung menghasilkan ayat-ayat yang ringkas dan pendek serta berbentuk mudah difahami. Dapatan ini selari dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Asmah Haji Omar (1985) yang mengatakan bahawa pada peringkat awal pertumbuhan bahasa, kanak-kanak hanya melahirkan bahasa yang ringkas sahaja iaitu yang hanya mengandungi kata-kata inti dan tidak wujud sebarang kata tugas. Abdul Aziz Sharif (1994) pula telah menegaskan bahawa apabila kanak-kanak berumur dua tahun lebih, mereka mulai mengeluarkan ayat-ayat yang terdiri daripada dua patah perkataan. Walau bagaimanapun kanak-kanak pada peringkat ini belum berupaya menguasai aspek struktur dan ayat yang dihasilkan oleh mereka adalah bersifat mudah.

Berkaitan dengan pemerolehan jenis-jenis ayat, didapati bahawa kanak-kanak dalam kajian ini telah mampu mengujarkan ayat-ayat yang yang terdiri daripada ayat tanya, ayat penyata, ayat perintah, ayat suruhan dan sebagainya. Cuma daripada data didapati bahawa jenis ayat seruan dan ayat silaan sahaja yang langsung tidak terdapat dalam 50 ujaran yang diambil daripada kanak-kanak sampel. Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak pada usia ini masih tidak mampu menguasai sepenuhnya bentuk-bentuk ayat yang terdapat dalam bahasa Melayu. Keadaan ini membuktikan bahawa walaupun kanak-kanak telah berjaya menguasai Sintaksis bahasa Melayu, tetapi tidak sempurna sepenuhnya sebagaimana orang dewasa. Ini selari dengan pendapat Brown dan Frase yang mengatakan bahawa kanak-kanak peringkat awal hanya menggunakan bentuk-bentuk tatabahasa yang mudah.

Jika dilihat pada penghasilan ayat majmuk, didapati bahawa hanya sampel yang berusia 3.7 tahun sahaja yang telah mampu mengujarkan ayat majmuk sedangkan sampel yang berusia 2.6 tahun dalam kajian ini langsung tidak mengucapkan bentuk-bentuk ayat majmuk dalam ujarannya. Keadaan ini terbukti melalui analisis data 50 ujaran yang dibuat oleh kanak-kanak, didapati bahawa hanya Amin sahaja yang telah mengujarkan bentuk-bentuk ayat majmuk atau kompleks tetapi tidak merangkumi semua jenis ayat kompleks yang terdapat dalam bahasa Melayu.

Dapatkan di atas menunjukkan bahawa kanak-kanak yang berusa 2 .6 tahun dalam kajian ini masih tidak mampu menguasai bentuk-bentuk dan pola-pola ayat

kompleks bahasa Melayu. Oleh itu bolehlah dirumuskan di sini bahawa tahap pemerolehan jenis-jenis ayat kanak-kanak pada usia 2.6 tahun adalah lebih rendah daripada tahap penguasaan jenis-jenis ayat kanak-kanak yang berusia 3.7 tahun. Ini menunjukkan bahawa sebenarnya tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak berlaku seiring dengan perkembangan usia kanak-kanak. Walau bagaimanapun didapati bahawa tahap pemerolehan mengujarkan pelbagai jenis ayat bagi sampel yang berusia 3.7 tahun dalam kajian ini adalah masih di peringkat sederhana kerana sampel masih tidak mampu menguasai pelbagai bentuk dan jenis ayat kompleks yang terdapat dalam bahasa Melayu. Ini terbukti dengan penggunaannya yang terhad dan tidak meluas dalam data iaitu hanya terdapat 10 % sahaja ayat-ayat majmuk yang telah diujarkan oleh sampel dari keseluruhan 50 ujaran yang dijadikan data. Keadaan ini menunjukkan bahawa kanak-kanak pada usia ini masih tidak mampu menguasai bentuk-bentuk sintaksis (ayat) yang kompleks dengan baik dan sempurna. Ini selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh Fenton, dimana pada usia tiga tahun kanak-kanak hanya mampu membuat ayat-ayat yang berbentuk paling mudah. Wood pula mengatakan bahawa pada usia empat tahun barulah kanak-kanak dapat menguasai bahasa dengan baik dan sempurna iaitu mampu memperlihatkan nahu yang lebih kompleks dan menyerupai bentuk-bentuk pertuturan orang dewasa.

Berkaitan dengan kesalahan pembentukan ayat, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa bentuk-bentuk kesalahan yang telah dibuat oleh kanak-kanak sampel dalam kajian ini semasa membuat ujaran. Walau

bagaimanapun bentuk-bentuk kesalahan yang dibuat oleh kanak-kanak tidaklah terlalu ketara dan ianya hanyalah dalam peratus yang kecil sahaja. Ini selari dengan usia sampel yang masih berada dalam tahap pemerolehan bahasa yang masih belum sempurna sepenuhnya, jadi sudah pastilah bentuk-bentuk kesalahan yang kecil akan wujud semasa kanak-kanak membuat ujaran. Jadi, secara keseluruhannya bolehlah dirumuskan bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan aspek sintaksis kanak-kanak sampel adalah masih di tahap sederhana iaitu mereka masih berada dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa terutamanya sintaksis (ayat) yang masih belum sempurna sepenuhnya sebagaimana tahap penguasaan bahasa orang dewasa.

5.3 Rumusan Analisis Pemerolehan Semantik Kanak-kanak

Berkaitan dengan pemerolehan aspek semantik, berdasarkan dapatan kajian ini dapatlah dirumuskan bahawa kanak-kanak yang berusia 2.6 dan 3.7 tahun telah berjaya menguasai aspek-aspek tertentu semantik bahasa Melayu. Misalnya daripada analisis terhadap tahap pemerolehan dan penguasaan makna perkataan di kalangan kanak-kanak, didapati bahawa kedua-dua sampel kanak-kanak dalam kajian ini telah mampu menghubungkan makna perkataan-perkataan yang telah diucapkannya dengan konteks yang berlaku pada masa ujaran tersebut dibuat. Dapatan ini menunjukkan bahawa kanak-kanak telah memahami ciri-ciri dan konsep semantik semua perkataan-perkataan yang diujarkan dan ini terbukti melalui keupayaan mereka mengucapkan kata-kata tersebut dalam konteks yang

sebenarnya. Jadi, bolehlah dirumuskan bahawa kanak-kanak pada usia 2.6 dan 3.7 tahun ini telah mampu membuat ujaran berdasarkan konteks yang berlaku pada masa itu. Dapatan ini sebenarnya selari dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Mangantar Simanjuntak berdasarkan tahap-tahap atau peringkat-peringkat pemerolehan sintaksis yang telah diutarakannya, iaitu beliau mengatakan bahawa menjelang umur dua tahun, kanak-kanak mulai menggabungkan dua perkataan dalam ujarannya. Ayat-ayat yang diucapkan juga adalah bersifat gramatis dari segi sintaksis dan betul maknanya dari segi konteks (Mangantar Simanjuntak, 1987).

Walau bagaimanapun berdasarkan hasil dapatan yang diperolehi dari pengiraan NJT bolehlah dirumuskan bahawa kedua-dua sampel dalam kajian ini mempunyai tahap penguasaan perbendaharaan yang belum sempurna sepenuhnya walau pun kedua-duanya merupakan sampel yang verbal. Ini terbukti melalui jumlah NJT yang rendah walaupun jumlah keseluruhan perkataan yang diujarkan oleh kedua-dua kanak-kanak ini dalam 50 ujaran adalah tinggi. Manakala, berdasarkan analisis kategori semantik pula, bolehlah dirumuskan bahawa tahap penguasaan terhadap makna golongan kata dalam bahasa Melayu adalah agak baik bagi kanak-kanak yang berusia 2.6 dan 3.7 tahun yang terdapat dalam kajian ini. Buktinya ialah kedua-dua sampel telah berjaya menguasai hampir semua golongan kata yang terdapat dalam bahasa Melayu. Cuma bentuk-bentuk kata tugas, kata adjektif dan sendi nama sahaja yang nampaknya agak sukar dikuasai oleh kanak-kanak pada usia ini. Daripada analisis data, didapati bahawa terdapat beberapa jenis perkataan yang masih tidak dapat dikuasai oleh kanak-kanak seperti

perkataan-perkataan *tepi*, *sisi* dan sebagainya. Walaupun tidak terdapat perkataan-perkataan ini di dalam data, namun berdasarkan pengetahuan pengkaji terhadap anak-anak pengkaji sendiri iaitu Amin dan Azam didapati bahawa mereka sebenarnya memahami penggunaannya. Malah diluar kajian, pengkaji dapati bahawa kedua-dua sampel ini selalu menyebutkan perkataan *bawah*, *atas* dan *tepi* ini. Cuma perkataan *sisi* sahaja yang masih belum pernah disebutkan oleh kedua-dua anak pengkaji. Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak pada usia 2.6 dan 3.7 tahun ini masih tidak mampu mengujarkan bentuk-bentuk perkataan tersebut. Oleh itu boleh dibuat kesimpulan bahawa kanak-kanak pada peringkat ini masih mengalami proses pemerolehan dan penguasaan bahasa yang tidak sempurna sepenuhnya sebagaimana orang dewasa. Ini selari dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Brown dan frase yang mengatakan bahawa wujud perbezaan diantara bahasa yang diucapkan oleh orang dewasa dengan bahasa yang telah diucapkan oleh kanak-kanak yang berusia 2-3 tahun kerana kanak-kanak pada usia 2-3 tahun masih menggunakan pengetahuan atas tatabahasa sesuatu bahasa itu.

Berdasarkan pada jenis-jenis perkataan yang disebutkan, didapati bahawa perkataan-perkataan yang paling kerap sekali disebutkan oleh kanak-kanak pada usia 2-3 tahun ini ialah perkataan-perkataan yang tergolong dalam golongan kata nama khususnya yang berkaitan dengan nama-nama benda, tempat, barang-barang permainan dan sebagainya yang ada di sekeliling mereka. Ini menunjukkan bahawa persekitaran memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak. Kekerapan kanak-kanak

mengujarkan jenis-jenis kata nama berbanding dengan jenis-jenis perkataan yang lain menunjukkan bahawa kanak-kanak sebenarnya masih mengalami tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa yang tidak sempurna sepenuhnya. Ini adalah kerana, biasanya kanak-kanak pada peringkat awal perkembangan bahasa lebih kerap mengujarkan bentuk-bentuk perkataan yang tergolong dalam golongan kata nama dan kata kerja berbanding dengan golongan kata lain seperti kata tugas, kata adjektif dan sebagainya. Hal ini demikian kerana kata nama mempunyai maksud yang nyata sedangkan golongan kata adjektif dan kata tugas mempunyai maksud yang abstrak, jadi oleh kerana pada tahap awal pemerolehan bahasa, kanak-kanak hanya mampu menguasai bentuk-bentuk yang mudah sahaja menyebabkan mereka tidak dapat menggunakan bentuk-bentuk kata adjektif dan kata tugas secara meluas dalam ujaran yang dibuat berbanding dengan pengucapan golongan kata nama dan kata kerja.. Dapatkan ini sebenarnya selari dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh M. W. Shinn yang telah mengatakan bahawa kanak-kanak pada peringkat awal pemerolehan dan penguasaan bahasa lebih banyak mengujarkan perkataan-perkataan yang berbentuk *labelling* terhadap benda-benda yang berada di sekeliling mereka yang biasanya berkaitan dengan barang-barang permainan, makanan dan keluarga mereka. Jadi, daripada dapatkan ini bolehlah dirumuskan bahawa kanak-kanak pada usia 2. 6 dan 3.7 tahun telah dapat menguasai dengan baik ciri-ciri semantik yang didukung oleh kata nama dan kata kerja berbanding dengan golongan kata lain.

Daripada data didapati bahawa kanak-kanak yang berusia 2.6 dan 3.7 tahun ini masih belum mampu mengujarkan bentuk-bentuk perkataan yang mempunyai medan makna dengan meluas. Walau bagaimanapun mereka didapati telah mampu mengujarkan perkataan-perkataan yang berbentuk konsep dan tergolong dalam kumpulan yang mempunyai makna relational. Ini membuktikan bahawa walaupun tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak pada usia 2.6 dan 3.7 tahun ini adalah baik namun tidak sempurna 100% sebagaimana bahasa orang dewasa. Ini selari dengan pendapat Fenton yang mengatakan bahawa kanak-kanak yang berusia 36 bulan masih tidak mampu menguasai bahasa dengan sempurna.

Jadi, secara keseluruhan bolehlah disimpulkan bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak pada usia dua tahun adalah lebih rendah daripada tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa dikalangan kanak-kanak yang berumur 3.7 tahun. Walaupun ada diantara kanak-kanak yang berumur dua tahun lebih verbal daripada kanak-kanak yang berusia 3 tahun, namun pada hakikatnya penguasaan bahasa kanak-kanak yang berumur tiga tahun adalah lebih baik daripada kanak-kanak yang berumur dua tahun terutamanya dari segi penguasaan perbendaharaan kata. Walau bagaimanapun tidak semua kanak-kanak pada usia yang sama akan mencapai tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa yang sama. Sebenarnya tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa bagi seseorang kanak-kanak itu adalah berbeza-beza bergantung kepada seseorang individu itu.

Analisis data menunjukkan bahawa kebanyakan bentuk-bentuk perkataan yang telah diujarkan oleh kanak-kanak dalam kajian ini adalah berbentuk kata dasar

atau unggulan iaitu kebanyakan perkataan yang diucapkan adalah terdiri daripada bentuk kata akar tanpa sebarang proses imbuhan atau penggandaan. Dapatkan ini membuktikan bahawa pada usia ini kanak-kanak sebenarnya masih tidak mampu menguasai perkataan yang bersifat kompleks. Ini selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh Abdul Aziz Sharif (1994) yang mengatakan bahawa pada usia dua tahun lebih kanak-kanak belum mampu menguasai aspek struktur dan ayat-ayat yang dihasilkan adalah bersifat mudah.

Secara keseluruhan bolehlah disimpulkan bahawa berdasarkan jenis perkataan yang dominan digunakan oleh sampel dalam kajian ini, maka kedua-duanya bolehlah diletakkan dalam golongan kanak-kanak *referensial* kerana kanak-kanak dalam kajian ini telah menggunakan dua kali ganda perkataan namaan am dan sedikit sahaja perkataan diri sosial. Kanak-kanak dalam kajian ini juga masih melakukan “*penyempitan berlebihan*” di dalam ujaran yang dibuat, kerana mereka sebenarnya masih berada dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa yang belum sempurna sepenuhnya. Namun begitu, bolehlah dirumuskan bahawa kanak-kanak dalam kajian ini telah menguasai sebahagian besar ciri-ciri semantik bahasa Melayu walau pun tidak secara keseluruhannya.

Berdasarkan analisis data 50 ujaran yang dibuat oleh kanak-kanak dengan menggunakan kriteria-kriteria analisis pada paras Sintaksis (ayat) dan Semantik bahasa Melayu serta analisis am bagi melihat tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak didapati bahawa pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak sebenarnya banyak dipengaruhi oleh faktor

persekitaran seperti peranan rakan sebaya, adik beradik yang lebih tua, ibu bapa dan sebagainya. Ini selari dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Wood dan pelopor Teori Behaviourisme yang mengatakan bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak banyak dipengaruhi oleh faktor persekitaran kanak-kanak tersebut. Ini terbukti melalui analisis data, didapati bahawa Azam walaupun baru berusia 2.6 tahun, tetapi beliau merupakan seorang yang verbal dan keupayaan beliau membuat ujaran ternyata tidak jauh bezanya daripada Amin. Keupayaan Azam membuat ujaran dengan baik sebenarnya banyak dipengaruhi oleh abangnya Amin yang sentiasa bercakap dan bermain dengan beliau. Ini menyebabkan bentuk-bentuk ujaran yang diujarkan oleh Amin telah di dengar dan ditiru oleh Azam dan kemudiannya diulang beberapa kali sehinggaalah beliau benar-benar menguasainya. Keadaan ini terbukti melalui analisis data didapati bahawa kanak-kanak ini banyak membuat peniruan terhadap bentuk-bentuk ujaran yang telah dibuat oleh abangnya Amin dan ibunya (pengkaji). Misalnya, pada ujaran-ujaran yang bernombor 14, 24, 32, dan 37 dalam data (Lampiran 1) didapati bahawa Azam telah meniru bentuk-bentuk percakapan yang telah dibuat oleh ibu dan abangnya. Manakala pada ujaran-ujaran 9, 26, 15, 16, 17 dan 19 pula menunjukkan bahawa beliau telah mengulang semula ujaran-ujaran yang telah dibuatnya. Keputusan ini selari dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Brunner dan Bates yang mengatakan bahawa pemerolehan vokal dan konsonan kanak-kanak adalah hasil daripada pemerhatian dan peniruan mereka terhadap persekitaran di mana mereka

memerhati dan meniru orang dewasa lain yang berada di sekeliling mereka (rujuk para 1.4).

Walau bagaimanapun tidak dinasikan bahawa peranan kognitif juga penting dalam membantu pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak. Misalnya Chomsky telah mengatakan bahawa peranan kognisi yang ada pada otak atau mental manusia menjadikan bahasa yang dihasilkan itu bersifat kreatif dan tidak terbatas. Beliau juga berpendapat bahawa manusia sejak daripada lahir lagi telah dibekalkan dengan kebolehan semulajadi untuk menguasai bahasa kerana kanak-kanak telah dibekalkan dengan *innate capacity* yang berpusat pada LAD. Menurut Karmiloff Smith pula, jika mental tidak terlibat dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa, tidak mungkin kanak-kanak akan dapat membina rumus-rumus bahasa pertama mereka semasa mereka mengalami pemerolehan tersebut. Lennerberg pula berpendapat bahawa LAD telah dimiliki oleh kanak-kanak secara semula jadi semenjak dilahirkan lagi dan ini memungkinkan kanak-kanak memperolehi bahasa ibundanya dengan mudah dan cepat (rujuk para 1.5.1).

5.4 Cadangan Penyelidikan

Oleh kerana bahasa merupakan satu aspek penting dalam perhubungan yang digunakan oleh semua manusia untuk berhubung, jadi semua individu di dunia ini terlibat dengan bahasa. Oleh itu semua individu di peringkat prasekolah, sekolah rendah, menengah dan peringkat pengajian tinggi atau universiti harus diberikan pendedahan dan kajian yang terperinci mengenainya mengikut kesesuaian. Selain

itu kajian terhadap tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak juga merupakan satu aspek yang amat menarik dan penting bagi kita memahami dengan lebih jelas tentang pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak khususnya untuk membantu kita memahami bagaimanakah proses-proses pemerolehan dan penguasaan bahasa berlaku di kalangan manusia sebagai pemakainya, maka eloklah bidang ini dijadikan sebagai satu mata pelajaran khusus di sekolah-sekolah rendah, menengah dan Universiti-universiti. Ini adalah kerana, bahasa merupakan perkara yang paling penting dalam hidup manusia sebagai alat perhubungan antara satu sama lain.

5.4.1 Peringkat Prasekolah

Pendedahan awal ini penting dilakukan terutamanya di peringkat prasekolah kerana kanak-kanak diperangkat prasekolah ini sendiri masih berada dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa yang masih belum sempurna. Oleh itu penting bagi guru-guru, ibu bapa dan orang-orang dewasa di persekitaran membantu kanak-kanak di peringkat prasekolah mengenali bahasa mereka supaya mereka memahami apa itu bahasa dan bagaimana ia berkembang pada peringkat yang paling asas. Di samping itu, guru-guru di sekolah dan ibu bapa di rumah boleh mengadakan program-program tertentu bagi membantu kanak-kanak di peringkat prasekolah ini menguasai bahasa dengan cepat dan dalam kaedah yang betul dan sempurna.

5.4.2 Peringkat Sekolah Rendah

Pada peringkat sekolah rendah pula, bidang ini sepatutnya diajar sebagai satu bentuk mata pelajaran asas memandangkan bahasa amat penting kepada seseorang individu itu. Jadi sepatutnya bahasa ibunda diajarkan di peringkat sekolah rendah ini didedahkan dengan bahasa iaitu bagaimana ia diperolehi dan dikuasai oleh setiap individu, proses-proses dan peringkat-peringkat pemerolehan bahasa yang dialami oleh setiap individu, faktor-faktor perkembangannya, bagaimana bahasa boleh berbeza-beza mengikut suku kaum, negeri dan sebagainya dalam bentuk yang asas dan umum. Pendedahan ini penting diberikan pada kanak-kanak di sekolah rendah supaya apabila beliau besar nanti beliau akan menjadi seorang yang tahu menilai dan menghargai bahasa ibunda sendiri yang dipelajari serta dikuasai dengan begitu sistematis dari kecil lagi.

5.4.3 Peringkat Sekolah Menengah

Di peringkat sekolah menengah, kajian terhadap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak sepatutnya diajar sebagai matapelajaran wajib dengan membincangkan beberapa aspek yang berkaitan dengan pemerolehan dan penguasaan bahasa secara lebih terperinci seperti; teori-teori mengenai pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan manusia sebagaimana yang diperkenalkan oleh ahli-ahli bahasa di dunia, proses-proses, peringkat-peringkat, faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan bahasa dan sebagainya. Kajian pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak

juga boleh dilakukan bukan sahaja terhadap bahasa Melayu malah mencakupi semua bahasa-bahasa lain di dunia.

5.4.4 Peringkat Universiti atau Pusat Pengajaran Tinggi

Oleh kerana bahasa amat penting sebagai alat perhubungan yang dipakai oleh semua manusia, maka ia sepatutnya dijadikan sebagai satu bidang penyelidikan yang khusus di pusat-pusat pengajian tinggi awam atau swasta. Di universiti-universiti atau pusat pengajian tinggi yang lain, sepatutnya membuka satu jabatan khusus yang mengajar dan mengkaji bidang Linguistik Developmental atau pun kajian tentang perkembangan bahasa di kalangan manusia khususnya pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak kerana proses pemerolehan bahasa itu sebenarnya pesat berlaku dari semenjak manusia lahir sehingga mencapai tempoh genting (pada usia belasan tahun). Kajian terhadap tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak juga hendaklah diperluaskan skopnya dengan melakukan kajian perbandingan di antara semua bahasa yang terdapat di dunia. Ia bukan sahaja dapat memberikan ilmu pengetahuan yang amat bermanfaat kepada manusia malah dapat menunjukkan kepada semua manusia bahawa setiap manusia mengalami peringkat-peringkat, tahap-tahap dan proses-proses pemerolehan dan penguasaan bahasa yang sama sahaja walaupun bahasa yang diperolehi dan dikuasai adalah berbeza-beza.

Memandangkan bahasa merupakan aspek penting dalam kehidupan manusia dan ia berbeza-beza mengikut pemakainya, maka Pusat-pusat Pengajaran

Tinggi sepatutnya membuat kajian yang terperinci mengenainya. Kemudian hasilnya bolehlah dibukukan dan diedarkan kepada sekolah-sekolah menengah, rendah, dan kepada umum. Bidang ini bukan sahaja penting untuk memberikan pengetahuan dan gambaran kepada seseorang individu itu bagaimana proses pemerolehan dan penguasaan bahasa yang dipakainya setiap hari kini berlaku, malah ia merupakan satu bidang yang amat menarik untuk dikaji dengan lebih mendalam lagi.

5.5 Kesimpulan

Memandangkan batasan kajian ini hanya terhad kepada aspek-aspek analisis am, sintaksis dan semantik sahaja dan disebabkan masa kajian yang amat terhad berbanding dengan kajian-kajian terdahulu, maka dapatan-dapatan dalam kajian ini merupakan dapatan-dapatan secara umum tentang pemerolehan dan penguasaan kanak-kanak berdasarkan analisis am, sintaksis dan semantik bahasa Melayu. Walau bagaimanapun dapatan kajian ini dapat dijadikan penduan untuk kajian yang selanjutnya berkaitan dengan pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak tentang aspek-aspek berikut;

1. Pengkajian terhadap peranan ibu bapa dalam membantu tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak kerana bahasa yang dihasilkan ibu bapa sebenarnya penting dalam mempengaruhi tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak.

2 Memandangkan kajian ini dilakukan di luar Bandar, maka pengkajian yang serupa adalah dicadangkan supaya dilakukan terhadap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak yang berusia diantara 2.6 – 3.7 tahun ini. Melalui kajian yang dilakukan di luar Bandar dan di

Bandar dapatlah dibuat satu perbandingan tentang tahap pemerolehan bahasa di kalangan kanak-kanak pada usia ini. Kajian-kajian juga boleh dilakukan terhadap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak berdasarkan aspek-aspek lain seperti morfologi, fonologi dan sebagainya.

3. Melatih guru-guru di peringkat prasekolah tentang pengetahuan asas berkaitan dengan proses pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak. Hal ini penting kerana melalui pengetahuan ini guru-guru dapat merancang aktiviti pengajaran yang berkesan secara lebih realistik dan dapat menggunakan satrategi pembelajaran dengan lebih berkesan.